



ANGGOTA forensik bomba dan penyelamat melakukan pemeriksaan ke atas tapak rumah terbakar mengorbankan empat mangsa di Tanjung Sepat, Sepang, Selangor, semalam. - IHSAN CHINA PRESS

Kejadian dipercayai dilakukan sebelum rumah dibakar

Pasangan warga emas, dua cucu dibunuh

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 13 DIS.

KEMATIAN dua warga emas dan dua cucunya yang berusia tiga dan sembilan tahun bukan berpunca daripada kebakaran sebaliknya dibunuh terlebih dahulu sebelum rumah didiami mereka dibakar.

Insiden kejam tersebut disahkan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat dan memaklumkan, siasatan awal Pasukan Siasatan Tempat Kejadian (CSI) mendapati terdapat kesan luka dipercayai akibat tetakan pada badan tiga daripada empat mangsa sebelum kesemuanya dibakar penyerang.

Namun katanya, buat masa ini, pihak berkuasa belum dapat menentukan punca kematian seorang lagi mangsa, apakah akibat terbakar atau sebaliknya.

"Pada jam 5.50 pagi, Balai Polis Tanjung Sepat menerima panggilan daripada orang awam memaklumkan kebakaran melibatkan sebuah rumah berdekatan



CHIA TEE NANG



LIM MAI SHAK



CHIA YUAN BIN

tokong Cina, dan setelah kebakaran dipadamkan, empat mayat rentung ditemukan.

"Hasil siasatan awal, bomba mendapati ada unsur khianat dan siasatan oleh pasukan CSI pula menemukan kesan tetakan pada badan tiga daripada mangsa. Kesemua mangsa dipercayai dibunuh dan kemudiannya dibakar," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Chia Tee Nang, 73, dan isterinya, Lim Mai Shak, 68, serta dua cucunya, Ryan Chia, 9, dan Chia Yuan Bin, 3, ditemukan rentung dalam kebakaran di rumah warga emas itu di Jalan Tepi Laut, Tanjung Sepat.

Menurut Fadzil, polis kini me-

nyiasat kes tersebut di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Jelasnya, buat masa ini belum ada tangkapan dibuat dan pihaknya sedang meniasat daripada pelbagai sudut mengenai punca sebenar kejadian sehingga membawa kepada pembunuhan tragis tersebut.

"Siasatan lanjut sedang dibuat dan begitu juga punca kematian semua mangsa yang akan disahkan sepenuhnya selepas proses bedah siasat selesai dilakukan," katanya.

Sementara itu, seorang kanakkanak lelaki dipercayai cucu mangsa berumur 12 tahun berjaya menyelamatkan diri dalam kejadian tersebut.